

Mengimbau budaya minum teh di China



Pakar teh, Xie Siwen berkongsi pengetahuan mengenai **tradisi minum teh.** [GAMBAR HIASAN]

Baru-baru ini, ketika melawat Masjid Xiamen, imam masjid yang bernama Ibrahim menghidangkan saya dan pelajar yang menemani saya dengan teh hijau. Menariknya, teh hijau ini adalah dari kualiti yang baik, kata imam dan ia bukannya dari jenis biasa yang banyak dijual di pasar raya. Tambahan lagi, harganya juga lebih mahal daripada teh hijau biasa.

Yang membezakan teh hijau yang dihidangkan imam ini adalah ia disimpan di dalam tin dan perlu disimpan dalam peti sejuk sepanjang masa. Ini kerana, ia akan rosak jika dibiarkan dalam suhu bilik. Dari segi pembuatannya, ia perlu dimasukkan dalam air panas, tidak seperti teh hijau murah yang boleh dibancuh dengan air kosong biasa.

Disaji hidangan teh hijau segar

Minum dengan cawan kecil yang menjadi tradisi orang Cina memang mengujakan. Ketika itu, kami agak dahaga kerana tercari-cari jalan ke masjid yang agak rumit kerana ini adalah pengalaman kali pertama. Justeru, hidangan teh hijau segar ini kami sambut dengan tangan terbuka, malah kami minum sehingga tiga cawan seorang, walaupun rasanya agak kelat.

Dalam kalangan masyarakat Barat, teh hijau tidak begitu popular mungkin kerana rasa kelatnya dan tidak diminum dengan gula, bertentangan dengan kegemaran mereka yang sukakan minuman yang berperisa manis.

Sejarah minum teh dalam kalangan masyarakat di China mempunyai sejarah yang panjang. Daun teh pada zaman Dinasti Tang diproses menggunakan kaedah yang dipelajari daripada zaman kuno. Ada lagenda menyebut bahawa asal budaya minum teh bermula da-

ripada seorang petani bernama Shennong yang dianggap sebagai Baba Pertanian China.

Pada suatu hari, Shennong berehat di bawah pokok Camellia dan memasak air untuk diminum. Beberapa helai daun telah jatuh ke dalam airnya dan terapung dalam cerek air masaknya serta bercampur dengan air. Insiden itulah yang dikatakan pertama kali air teh dibuat oleh manusia.

Shennong tertarik dengan keadaan itu dan cuba meminumnya dan mendapati rasanya lazat dan menyegarkan. Sejak dari itu, minum teh menjadi satu budaya yang lazim dalam masyarakat Cina.

Kebanyakan masyarakat di China meminum teh jenis teh hijau. Ia adalah jenis minuman yang paling popular dan diminum hampir setiap masa, tidak kira ketika makan pagi, makan tengahari, minum petang atau makan malam. Di China juga terdapat pelbagai jenis daun teh.

Pengkaji teh mengatakan terdapat lebih 700 spesies teh di China, malahan ada pengkaji lain mengatakan ia mungkin melebihi 1,000 jenis. Jenis teh yang popular dikenali sebagai Tieguanyin yang pertama kali dijumpai di Anxi, di wilayah Fujian, tidak jauh dari Xiamen.

Ubat pelbagai jenis penyakit

Ada pepatah Barat mengatakan, 'Saya tinggalkan yang lain hanya untuk mendapatkan teh di China', begitulah popularnya budaya minum teh di China. Selain untuk tujuan minuman, teh hijau misalnya baik untuk kesihatan dan dikatakan boleh mengubati sakit kepala, tekanan perasaan, mengurangkan risiko kanser dan menyegarkan badan.

Dari segi perkembangan industri teh di China, ia mempunyai pasaran domestik yang sangat luas, malah pengeluaran teh di China rata-ratanya adalah untuk kegunaan dalam negara. Keseluruhannya, berlaku peningkatan sehingga 26 peratus pada tahun 2013 daripada segi penggunaan domestik teh di China berbanding tujuh peratus pada tahun 2000.

Keuntungan industri ini juga meningkat setiap tahun dengan kadar 13.3 peratus dan dijangkakan terus meningkat sehingga AS\$19.5 bilion pada tahun 2015. Kini terdapat 256 syarikat yang mengeluarkan teh di China, dengan keseluruhan 67,961 pekerja. Kajian pasaran teh di China menganggarkan pengeluaran teh di negara itu akan terus meningkat dengan stabil dalam lima tahun akan datang, walaupun teh hijau tetap menjadi teh pilihan utama masyarakat China.



Penulis

ialah Profesor Pelawat, Sekolah Kewartawanan dan Komunikasi, Xiamen University, China yang juga Pensyarah Kanan, Universiti Sains Islam Malaysia



DR SITI SURIANI OTHMAN